

**12/10/2016 - Majlis Amanat Bersama-Sama Pegawai Jawatan Utama dan Jawatan Khas
Sektor Awam Bilangan 1 Tahun 2016**

Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri,

Para pegawai kanan Kerajaan,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan, para hadirin yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan **tahniah kepada para pegawai kerajaan yang bakal menerima surat pemangkuan dan kenaikan pangkat** sebentar nanti. Ini merupakan **pengiktirafan Kerajaan** ke atas sumbangan khidmat bakti dan kecemerlangan saudara-saudari dalam menjalankan tugas sebagai penjawat awam.

Penjawat Awam Perlu Berintegriti

2. Sejak kebelakangan ini, masyarakat umum termasuk penjawat awam, telah dikejutkan dengan **laporan siasatan yang dijalankan oleh SPRM ke atas beberapa agensi kerajaan termasuk GLC**. Yang terkini, melibatkan sebuah jabatan kerajaan negeri. Berita-berita seperti ini telah mencemarkan imej perkhidmatan awam dan sedikit sebanyak, menimbulkan **kekhuatiran dikalangan rakyat terhadap keupayaan penjawat awam menjalankan tugas dengan integriti**. Rakyat bimbang bahawa gejala ini menular dikalangan penjawat awam. Mereka bimbang sekiranya sistem, prosedur dan tatacara perolehan kewangan yang telah ditetapkan dan dirangka bagi memastikan kelicinan penyampaian perkhidmatan awam, tidak lagi dipatuhi oleh penjawat awam.

3. Terdapat peribahasa Melayu “Nila setitik, rosak susu sebelanga”. Dalam konteks yang berlaku sekarang, saya ingin menegaskan bahawa, **saya tidak percaya bahawa majoriti penjawat awam, termasuk kita disini pada hari ini, menyokong tindakan penyelewengan** mereka yang disiasat dan didapati bersalah oleh agensi penguatkuasa yang berkenaan.

4. Malah, **Saya Yakin majoriti penjawat awam menjalankan tugas dengan amanah, jujur dan berintegriti**. Hanya disebabkan **tindakan segelintir penjawat awam yang bertindak di luar batasan undang-undang, ia tidak membawa maksud seluruh penjawat awam berkelakuan sedemikian**.

5. Mungkin ada yang menyatakan KSN mempunyai ‘denial syndrome’ atau cuba meniadakan realiti. Saya bukan tidak mengakui bahawa dikalangan penjawat awam, terdapat

mereka yang tidak berintegriti. Tetapi sebagai KSN, saya **Yakin saudara-saudari sekalian dan lain-lain penjawat awam yang mewakili majoriti penjawat awam, percaya kepada prinsip perkhidmatan awam dan berniat untuk menjalankan peranan sebagai penjawat awam yang berintegriti, berwibawa dan mendapat keyakinan rakyat.**

Saudara-saudari sekalian,

Buktikan Dengan Tindakan

6. Kalau kita **sekadar mengungkap bahawa kita akan berpandukan kepada sistem dan tatacara kerja yang ditetapkan, ia tidak akan membawa apa-apa makna.** Kita hanya akan dilabelkan sebagai **'paying lip service'**. Untuk mengukuhkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan awam, para penjawat awam perlu membuktikan dengan tindakan. **'Action speaks louder than words'!** Saya telah membincang dan mendapat **persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa projek-projek yang bernilai RM500 juta ke atas perlu mempunyai pegawai SPRM dan Jabatan Audit Negara** untuk turut terlibat dalam penilaian projek yang berkenaan. Malah, tindakan pro-aktif telah diambil sejak bulan **Julai 2013 untuk menubuhkan Unit Integriti** dan menempatkan Pegawai Integriti yang mendapat latihan sewajarnya dan diiktiraf oleh SPRM, di kementerian dan agensi kerajaan.

7. Dalam mengukuhkan lagi langkah-langkah sedia ada, **Kerajaan telah bersetuju supaya Jabatan Audit Negara melihat semula pelan audit setiap kementerian dan agensi kerajaan termasuk skop pengauditan, kekerapan audit dan pembentangan laporan audit** kepada pengurusan tertinggi. Dalam hubungan ini, saya ingin menjelaskan bahawa **Sesi Townhall KSN Bersama Media** pada setiap kali selepas Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Parlimen mencerminkan **ketelusan pihak sektor awam dalam menjelaskan tindakan-tindakan pembetulan ke atas teguran-teguran audit** yang dibangkitkan. Ia bukan sahaja dapat mengelakkan isu yang sama berulang tetapi juga dilihat sebagai **mekanisme pencegahan.**

8. Saya percaya **'prevention is better than cure'**. Justeru itu, saya ingin menyarankan saudara-saudari supaya sentiasa berpandukan kepada prosedur dan tatacara kewangan yang telah ditetapkan ketika menjalankan tugas. Sekiranya saudara-saudari **melihat terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki, cadangkan kepada pihak pengurusan tertinggi. Sekiranya pihak pengurusan tertinggi bersikap acuh tidak acuh** walaupun terdapat justifikasi kukuh untuk penambahbaikan, **saudara-saudari boleh menyalurkan maklumat kepada saya.** Kita

seharusnya menjadikan integriti sebahagian budaya kerja dalam organisasi. Saya sendiri ingin mencadangkan supaya **fungsi dan peranan Unit Integriti di setiap kementerian dan agensi perlu dilihat semula** daripada segi keberkesanan mencegah ketirisan dan penyelewengan daripada berlaku.

'Get Down To Business'

Saudara-saudari sekalian,

9. Kita biasa dengar ungkapan 'Business Is Not As Usual' dalam ertikata penjawat awam tidak boleh leka dan menjalankan tugas dengan norma kerja biasa walaupun ia tidak efisien dan berkesan. Pada hari ini, saya ingin **menyarankan** satu ungkapan lain kepada saudara-saudari sekalian dan **para penjawat awam** secara amnya, iaitu **'Get Down To Business'**. Maksud ungkapan ini adalah, **penjawat awam harus menumpukan usaha** kepada **core business** dan **jangan buang masa atau bersikap sambil lewa**. Sekiranya terdapat benda atau perkara yang boleh kita elakkan, kurangkan atau hapuskan tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, maka kita perlu bertindak sedemikian. Kalau sesuatu perkara **boleh diselesaikan dalam masa yang singkat menggunakan proses yang lebih efisien tanpa menjejaskan tadbir urus**, maka seharusnya pendekatan tersebut diambil. Sebagai contoh, Air Asia. *Business model* Air Asia terbukti berjaya dalam menerajui dimensi baru dalam industri penerbangan awam. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah yang asas atau *basic* tanpa perkara-perkara lain yang tidak diperlukan oleh penumpang. Objektifnya adalah membolehkan pelanggan mengambil penerbangan dengan kos paling optimum. Demikian juga, **sebagai penjawat awam, peranan kita adalah untuk menyampaikan perkhidmatan awam yang memenuhi kehendak rakyat, pada kos yang paling optimum dan masa yang paling singkat**.

Penutup

10. Adalah menjadi harapan saya, saudara dan saudari akan terus meningkatkan imej perkhidmatan awam dengan memantapkan kompetensi dan kemahiran diri masing-masing. Harapan saya, selaku penjawat awam, kita mempunyai peranan yang sangat besar dalam memastikan setiap dasar dan agenda nasional dilaksanakan dengan jayanya. Semoga pengiktirafan ini akan menjadi inspirasi dan pemangkin kepada saudara dan saudari untuk terus komited dan menyampaikan perkhidmatan dengan cemerlang dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.

Wabillahittaufik walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullah wabarakatuh.

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://ksn.jpm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2088>